

# 16 agensi sertai Ekspo Pendidikan UMS-KAL

NS7 12/10/2012 9

LABUAN: Sebanyak 16 agensi jabatan kerajaan menyertai Ekspo Pendidikan sempena Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah yang diadakan di Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL.)

Antara jabatan yang menyertai ekspo dua hari itu yang berakhir kelmarin ialah PDRM, Peladang, Syarikat Suruhanjaya Malaysia, Niosh, Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan, Jabatan Muzium dan Lembaga Penduduk dan Keluarga.

Sementara itu di peringkat UMS-KAL, sebanyak enam agensi telah mengambil bahagian membabitkan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SP-KAL), Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Bahagian Perkhidmatan Akademik, Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara (Palapes) dan Pusat Penataran Ilmu dan

Bahasa (PPIB) serta Bahagian Sukan dan Kokurikulum.

Jurucakap penganjur, Mohd Fadzli Sarudi, ketika ditemui berkata, selain daripada pameran, turut diadakan sempena ekspo itu ialah ceramah ceramah Bomba dan pemeriksaan Jabatan Kesihatan serta pertandingan menduga minda.

Katanya, orang ramai khasnya pelajar sekolah menengah juga boleh mengenali dan mengetahui dengan lebih lanjut program yang ditawarkan di UMS Labuan.

"Ekspo Pendidikan itu sangat berfaedah bukan sahaja kepada pelajar UMS-KAL tetapi juga penduduk tempatan terutamanya pelajar sekolah menengah yang bakal melanjutkan pelajaran ke menara gading," katanya.

- OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)



PAMERAN ..... Pelajar Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) menunjukkan bahan yang dipamerkan di gerai Bahasa Jepun, Inggeris dan Cina sempena Ekspo itu.